

10/06/2002

Dasar wajibkan koperasi kurang 200 ahli bergabung

Maizura Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad - Dasar Koperasi Negara (DKN) yang akan dilancarkan bulan depan, antara lain mewajibkan penggabungan koperasi yang mempunyai kurang 200 ahli.

Ia bagi memastikan koperasi lebih menguntungkan ahli bagi menghadapi saingan pasar raya besar yang menawarkan barang pada harga amat rendah, kata Timbalan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Datuk Dr Tan Kee Kwong.

"Dalam keadaan ekonomi sekarang dan adanya pasar raya besar, tidak praktikal bagi koperasi yang mempunyai keahlian kecil antara 150 hingga 200 orang menjalankan operasi koperasi pengguna.

"Ini antara cabaran baru yang dihadapi koperasi yang sebelum ini tidak ada...misalnya pada 1980-an. Mereka perlu bergabung atau menanggung risiko gulung tikar," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-19 Koperasi Kakitangan Petronas (Kopetro) dan laman web Kopetro, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

DKN dijadual dilancarkan 21 Julai ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dasar itu dijangka menggalakkan pertumbuhan koperasi selaras sasaran menjadikan koperasi sebagai sektor ketiga selepas sektor awam dan swasta.

Dr Tan berkata, gerakan koperasi dengan 4.7 ahli membabitkan 4,246 koperasi berdaftar di seluruh negara mempunyai pengaruh besar dengan saham terkumpul bernilai RM4.3 bilion dan aset RM18.9 bilion.

Bagaimanapun, katanya, bagi menjana pertumbuhan koperasi setaraf dua sektor lain dan lebih menguntungkan, ia perlu perubahan konsep yang melebihi daripada sekadar pertumbuhan yang menawarkan skim pinjaman mudah dengan faedah rendah kepada ahli.

"Skop koperasi agak luas tetapi mesti ubah banyak konsep terlebih dulu. Kalau sebelum ini ia hanya terhad kepada pinjaman mudah, sekarang kita tidak boleh bergantung kepada konsep itu saja," katanya.

Beliau memberi contoh Cooperative Wholesale Society di Manchester, United Kingdom yang mencatatkan pulangan modal sehingga 5 bilion paun sterling (kira-kira RM25 bilion) setahun.

Dalam perkembangan lain, Dr Tan berkata, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) sedang mengkaji Akta Koperasi 1993 membabitkan pindaan besar yang akan dibentangkan dalam tempoh setahun.

"Ini termasuk had skop kegiatan ahli lembaga seperti hak menubuhkan anak syarikat dan pelaburan bagi mengelak pentadbiran yang lemah menyalahgunakan pinjaman untuk membeli saham spekulatif dan kemudian meminta kerajaan membantu apabila rugi. Ini tidak baik kerana wang kerajaan adalah wang pembayar cukai," katanya.

Selain itu, Dr Tan berkata, kementerian akan bertindak terhadap 30 peratus koperasi yang tidak aktif, termasuk memberi nasihat, amaran dan membatalkan pendaftaran jika masih tiada tindakan memulihkannya.

(END)